

11 MAR 1996

MENARA KEMBAR PETRONAS KINI BANGUNAN TERTINGGI DI DUNIA

KUALA LUMPUR, 11 Mac (Bernama) -- Menara kembar PETRONAS di sini kini merupakan bangunan paling tinggi di dunia setelah puncaknya siap dipasang.

Pada ketinggian 451.9 meter di atas paras jalan, menara itu mengatasi Sears Towers di Chicago (sebelum ini bangunan tertinggi di dunia) setinggi 8.9 meter, demikian menurut kenyataan KLCC (Holdings) Sdn Bhd hari ini.

Ia menyebut bahawa sebelum disiapkan, menara kembar PETRONAS telahpun diakui oleh majlis bangunan-bangunan tinggi dan habitat bandar sebagai bangunan tertinggi di dunia.

Pemasangan puncak menara dua PETRONAS disiapkan pada 5 Mac sementara bagi menara satu pada hari ini, 11 Mac, tambah kenyataan itu.

Pembinaan menara satu dikendalikan oleh usaha sama Mayjaus, sebuah konsortium diketuai oleh Hazama Corporation terdiri daripada J.A. Jones Construction Co., MMC Engineering Services Sdn Bhd, Ho Hup Construction Co. Bhd dan Mitsubishi Corporation.

Pembinaan menara dua pula dijalankan oleh usaha sama SKJ, sebuah konsortium diketuai oleh Samsung Engineering & Construction Co. Ltd, terdiri daripada Kuk Dong Engineering & Construction Co Ltd dan Syarikat Jasatera.

Upacara penyudahan pembinaan utama bagi menara kembar PETRONAS pada 13 Feb tahun ini disempurnakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang menandakan siapnya pembinaan struktur utama bangunan setinggi 88 tingkat itu, kata KLCC.

Sejak itu, kerja pemasangan puncak bangunan yang dibuat daripada keluli tahan karat setinggi 73.5 meter itu mula disambung kepada kerangka utama di puncak bangunan itu.

Menara kembar PETRONAS dimiliki oleh Midciti Resources Sdn Bhd. PETRONAS, yang akan menduduki menara satu mempunyai lebih daripada 75 peratus kepentingan dalam Midciti Resources Sdn Bhd melalui kepentingan langsungnya sebanyak 51 peratus dalam Midciti Resources dan 51 peratus dalam KLCC (Holdings) Sdn Bhd yang memegang baki kepentingan dalam Midciti Resources.

Kedua-dua menara itu akan siap untuk dihuni pada hujung tahun ini. --
BERNAMA

MSL SIA